

Modifikasi Drama Dekon Seri Panggung Karya Marzuki Ali

Modification In Seri Panggung A Drama By Marzuki Ali

Aishah Binti Mohamad Radzi
Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

aishahradzi95@yahoo.co.uk

ABSTRAK

Drama Seri Panggung adalah salah satu skrip dekon dalam kumpulan dekon Saya dari Tanjung Penaga (2015) hasil karya Marzuki Ali. Drama Seri Panggung mengisahkan tentang seorang perimadona bangsawan yang bernama Munah Sani dan bagaimana beliau mengharungi liku-liku kehidupan dalam dunia tetaer bangsawan. Watak Munah Sani dalam drama Seri Panggung amat mirip sekali dengan bekas perimadona bangsawan yang terkenal pada iaitu Aminah Nani, atau yang dikenali sebagai Mak Minah dalam kalangan penggiat bangsawan. Marzuki Ali telah menerapkan kehidupan Aminah Nani ke dalam watak Munah Sani terutamanya aspek kejayaan yang dikecapi beliau sepanjang bergelar perimadona bangsawan. Selain itu, drama Marzuki Ali ini juga memaparkan persamaan dengan karya drama Zakaria Ariffin iaitu Pentas Opera. Subjek utama Zakaria Ariffin dalam drama Pentas Opera adalah perjuangan anak-anak wayang sebuah kumpulan bangsawan pada era penjajahan Jepun sehingga pra kemerdekaan Tanah Melayu. Artikel ini mengaplikasikan teori intertekstualiti dalam drama Seri Panggung. Justeru, analisis ini mengaplikasi salah satu prinsip intertekstualiti iaitu prinsip modifikasi untuk meneliti drama Seri Panggung. Objektif kajian ini adalah bertujuan menganalisis proses penyesuaian, perubahan, pindaan dengan mengaplikasikan prinsip modifikasi daripada teks Pentas Opera ke dalam teks Seri Panggung. Reka bentuk kajian ini adalah kajian fundamental. Dapatan kajian ini adalah pengarang telah melakukan modifikasi dari segi latar tempat, latar masyarakat, mesej dan watak perwatakan di dalam drama Seri Panggung karya Marzuki Ali berdasarkan skrip Pentas Opera karya Zakaria Ariffin.

Kata kunci : Prinsip modifikasi, intertekstualiti, kritikan drama, Marzuki Ali, drama

ABSTRACT

Seri Panggung is a drama script beside others written and compiled by Marzuki Ali in Saya dari Tanjung Penaga (2015). Seri Panggung depicts a female character named Munah Sani who has faced challenges in the Malay Opera world. Munah Sani's character is very similar to the former Malay Opera actress who was very famous- Aminah Nani, or better known as Mak Minah among Malay theatre practitioners. Marzuki Ali has portrayed Aminah Nani's life through Munah Sani's character, especially her achievement as a famous Malay Opera actress. Besides that, traces of Zakaria Ariffin's Pentas Opera are also evident in Marzuki Ali's Seri Panggung. This study applies the intertextuality theory in analyzing Seri Panggung. Hence, this analysis applies one of the intertextual principles -the principle of modifications- to study Seri Panggung. The purpose of this study is to analyze the process of adaptation, change, amendment by applying the modifications principle from the Opera Pentacion text to

the Stage Series text. The research design of this study is fundamental. The findings of this study show that Marzuki Ali has made modifications in terms of places, community, messages and characters in Seri Panggung based on Zakaria Arrifin's Pentas Opera.

Keywords: Principles of modification, intertextuality, drama criticism, Marzuki Ali, deconade drama

1. Pengenalan

Pengarang Marzuki Ali, kelahiran Kuala Kemaman, Terengganu merupakan salah seorang penyair dan aktivis teater dan drama. Beliau yang melahirkan banyak kumpulan dan antologi puisi, skrip drama, esei dan cerpen. Proses kreatif Marzuki Ali melalui jangka masa yang panjang mulai dekad 80-an sehingga masakini yang menjangkau kira-kira setengah abad. Enam belas buah kumpulan perseorangan ini sudah tentu mempunyai pertalian atau hubungan antara teks dengan teks termasuklah hubungan intrinsik dan ekstrinsik antara kedua-duanya

Drama Seri Panggung merupakan kisah seorang bekas perimadona wayang Bangsawan yang begitu cantik dan jelita yang dikenali sebagai watak Munah Sani ketika muda dan watak Mak Sani ketika sudah tua. Di dalam babak yang pertama dimulai dengan suatu ruang ceramah di USM. Beliau sedang memberikan ceramah di hadapan mahasiswa walaupun telah berusia lebih 75 tahun tetapi tetap bersemangat menyampaikan ceramahnya. Tujuannya adalah untuk berkongsikan pengalamannya sebagai bangsawan dan pertunjukan pentas orang zaman-zaman dahulu. Di dalam ceramah tersebut Mak Munah ada menceritakan tentang asal usul bangsawan yang dikatakan telah meniru dari wayang Parsi yang datang jauh dari sebelah Benua India. Contohnya Laila Majnun, cerita Iskandar Zulkarnain dan sebagainya. Objektif kertas kerja ini bagi menganalisis proses penyesuaian, perubahan, pindaan dengan mengaplikasikan prinsip modifikasi terhadap sesebuah teks ke dalam teks yang lain.

2. Tinjauan Literatur

Melalui kajian-kajian lepas yang ditemui terdapat banyak para sarjana dan pengkaji di luar sana menggunakan teori intertekstualiti di dalam kajian mereka. Kebanyakan yang ditemui novel, puisi dan filem menjadi pilihan mereka sebagai kajian intertekstual. Namun demikian kajian intertekstualiti dalam drama dilihat masih kurang dan tidak banyak yang boleh diperolehi sebagai kajian lepas. Antara kajian-kajian lepas yang diperolehi Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017), Abdul Rahman Napiah (1994), Raja Rajeswari a/p Seetha (2005) Raman 9 Habiburrahman El Shirazyber (2001), Roma Nur Asnita (2000) Masuri S.N; Diyan Citrasari (2011). Penulisan-penulisan ini membincangkan pelbagai hubungan intertekstualiti dalam kajian mereka. Kesemua kajian yang diperolehi menggunakan konsep-konsep intertekstualiti yang hampir sama di dalam kajian masing-masing antaranya adalah transformasi, ekserp, konversi dan haplologi.

Kajian lepas yang pertama diperolehi oleh Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017) kajian daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini telah *mengkaji Puisi ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali*. Kajian ini memberi fokus kepada pengarang dan kepengarangan Marzuki Ali, seorang penyair dan aktivis teater kelahiran Kuala Kemaman, Terengganu. Kajian ini memperlihatkan perbandingan antara teks dengan teks lain daripada dua genre yang berbeza. Transformasi dari puisi ke skrip drama hingga ke pentas teater ini ditunjangi dengan pendekatan intertekstualiti antara karya-karya tersebut. Teks puisi Marzuki Ali berupaya menjadi sebuah teks yang mampu berevolusi dan boleh dipindah dari satu medium ke medium yang lain. Fenomena ini merupakan satu stail

kepengarangan Marzuki Ali yang membezakan kepenyairannya dengan penyair yang lain. Kajian perbandingan dan proses kreatif akan menemukan pemindahan, penjelmaan, penyesuaian, pertentangan, peniruan atau kesejajaran dalam teks-teks tersebut.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian fundamental. Kajian ini berorientasikan kajian kepustakaan yang berteraskan kaedah kualitatif. Dalam mendapatkan data kajian ini digunakan pelbagai bahan akademik di pelbagai perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Intitut Tamadun dan Alam Melayu(ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi Selangor. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih, dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya terhadap drama yang dikaji. Sebagai contoh bahan yang dicari adalah biografi Marzuki Ali.

Tujuan mencari biografi beliau adalah bagi mengetahui lebih lanjut mengenai latarbelakang beliau. Kemudian, mencari bahan mengenai latarbelakang tokoh perimadona bangsawa iaitu Aminah Nani yang bertajuk Bigorafi Bangsawan Perimadona ditulis oleh Noraza Haji Ali di ATMA. Selain itu, kajian ini juga hanya tertumpu pada teks awal atau teks yang menjadi sandaran atau sumber terhadap teks *Seri Panggung* iaitu *Pentas Opera* yang ditulis oleh Zakaria Ariffin.

Bahan-bahan akademik yang diperolehi ini adalah berbentuk buku, jurnal, majalah, makalah dan tesis tentang pelbagai ilmu dan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi kehendak kajian ini. Selain itu, kajian ilmiah yang dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu turut ditelaah bagi mendapatkan maklumt berhubungkait topik ini. Kajian yang diberi fokus utama adalah mengenai kajian intertekstual terhadap novel, drama dan sebagainya. Tetapi lebih memfokuskan pada drama.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan ini membincangkan objektif yang kedua iaitu menganalisis proses penyesuaian, perubahan, pindaan dengan mengaplikasikan prinsip modifikasi terhadap sesebuah teks ke dalam sesebuah teks yang lain. Sememangnya, teks *Seri Panggung* banyak memperlihatkan kepada prinsip modifikasi. Perbincangan ini akan mengaplikasikan aspek latar tempat, latar masyarakat, mesej, jalinan cerita, watak dan perwatakan dan lain-lain. Dalam konteks ini, segala aspek dalam prinsip modifikasi yang akan dikaji dalam teks *Seri Panggung* adalah berdasarkan teks asal *Pentas Opera* karya Zakaria Ariffin yang menjadi sandaran kepada pengarang Marzuki Ali. Tambahan lagi, gaya kepengarangan Marzuki Ali sememangnya banyak memeperlihatkan kepada teori intertekstualiti. Prinsip modifikasi dapat didefinisikan sebagai penyesuaian, perubahan, atau pindaan terhadap sesebuah teks ke dalam sesebuah teks yang lain.

4.1 Modifikasi Latar Tempat

Modifikasi pertama yang dianalisis adalah berdasarkan latar tempat di dalam teks *Seri Panggung* karya Marzuki Ali. Latar tempat dipilih sebagai bahan atau topik dalam prinsip modifikasi kerana pengarang telah membuat sedikit penyesuaian dari segi latar tempat yang sama namun di dalam situasi dan watak yang berbeza. Latar tempat dapat didefinisikan sebagai tempat berlakunya sesuatu peristiwa di dalam karya sastera. Latar tempat dalam karya sastera berfungsi sebagai media kepada para pelaku iaitu watak-watak untuk menjalankan peranan dan gerak kerja masing-masing.

Tanpa latar tempat yang sesuai jalan cerita akan menjadi hambar dan tidak mampu menarik perhatian pembaca. Oleh hal demikian, pemilihan latar tempat dalam sesebuah teks

drama haruslah bersesuaian dengan situasi dan masa yang dipilih. Sebelum memilih sesebuah latar tempat pengarang perlulah membuat penyelidikan terlebih dahulu tentang tempat yang dipilih dengan karya yang dihasilkan. Tempat tersebut haruslah memberi impak kepada pembaca dan memberi kesan peringatan nama tempat yang dipilih tersebut.

Oleh hal demikian, pemilihan tempat yang dipilih oleh Marzuki Ali di dalam teks *Seri Panggung* sememangnya telah berlaku proses modifikasi daripada teks sebelumnya *Pentas Opera*. Modifikasi yang dimaksudkan adalah dari segi penyesuaian tempat yang dipilih berdasarkan situasi yang berbeza oleh Marzuki Ali di dalam teks *Seri Panggung*. Latar tempat yang paling ketara terdapat dalam drama teks *Seri Panggung* adalah di Pulau Pinang. Marzuki Ali telah memilih Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang sebagai latar tempat utama di dalam drama ini. Pemilihan tempat ini adalah kerana watak utama Munah Sani sebagai bekas perimadona bangsawan telah dijemput sebagai penceramah pada ketika itu untuk memberikan ceramahnya kepada mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil Jurusan Pengajian Seni. Latar tempat yang telah dimodifikasikan dapat dilihat dalam jadual berikut:

JADUAL 1. Latar Tempat

Pentas Opera	Seri Panggung
<p>SYEIKH ABDUL KADEER: Pak cik tidak akan lama di Pulau Pinang. Sekadar untuk bertemu mak cik engkau dan anak-anak. Selepas kira-kira sepuluh hari atau selewat-lewatnya dua minggu, pak cik akan kembali ke sini. Engkau jagalah panggung ini baik-baik dan tengok-tengokkan juga kebajikan anak-anak wayang kita. Tentang makan minum janganlah engkau kluatir kerana pak cik ada meninggalkan bekala makanan yang cukup selama dua minggu.</p> <p>. . .</p> <p>SYEIKH ABDUL KADEER: Pulangnya pak cik ke Pulau Pinang ini adalah juga untuk mencari sedikit wang, bagi dijadikan modal dalam permainan kita. Tentang seri panggung, usahlah engkau kluatirkan lagi. Semasa di Pulau Pinang kelak, pak cik akan berusaha mencerikan gadis yang sesuai untuk dilatih menjadi seorang seri panggung. Jikalau Rubiah juga tidak pulang, kita akan serahkan peranan seri panggung kepada gadis baru itu.</p> <p>(Pentas Opera: 28-29)</p>	<p>BABAK 1</p> <p>(Dekon ini dimulai dengan set pentas suatu ruang ceramah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Seorang bekas perimadona wayang bangsawan sedang memberikan ceramahnya di hadapan puluhan mahasiswa Jurusan Pengajian Seni. Usianya lebih 75 tahun tetapi masih bertenaga dan cukup bersemangat menyampaikan ceramahnya. Berpakaian baju kurung cekak musang berbunga kemerah-merahan dan bertudung warna merah manggis. Dia berdiri di belakng rostum kecil dan sesekali kelihatan dia bergerak ke depan dan ke tengah pentas. Lampun pentas diterangkan)</p> <p>(Saya dari Tajung Penaga: 45)</p>

Jadual 1 jelas menunjukkan Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang merupakan latar tempat utama yang telah dipilih oleh Marzuki Ali di dalam teks *Seri Panggung*. Pemilihan tempat diambil adalah bersesuaian dengan situasi Munah Sani sebagai penceramah di sana dan mahasiswa Jurusan Pengajian Seni sememangnya terdapat banyak di Universi Sains Malaysia. Dalam konteks ini, latar tempat Pulau Pinang telah berlaku proses modifikasi dari segi perubahan situasi dan waktu yang berbeza dengan *Pentas Opera*. Hal ini dapat dilihat teks asal *Pentas Opera* karya Zakaria Ariffin, apabila pengarang juga memilih Pulau Pinang sebagai latar tempat namun di dalam watak dan situasi yang berbeza. Hal ini menunjukkan Marzuki Ali masih mengekalkan hipogram dan tipa induk teks asalnya namun terdapat penyesuaian dan penambahbaikan dari segi latar tempat di dalam teksnya.

Dalam jadual berikut juga, Zakaria Ariffin telah menggunakan Pulau Pinang sebagai latar tempat. Namun situasi dan watak yang menggambarkan peristiwa di Pulau Pinang adalah berbeza dengan teks *Seri Panggung*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Marzuki Ali masih mengekalkan tempat yang sama namun terdapat sedikit perubahan dari segi watak dan situasi yang menggambarkan peristiwa di Pulau Pinang tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam *Pentas Opera* apabila watak Syeik Abdul Kadeer yang ingin pulau ke Pulau Pinang kerana tujuan ingin mencari modal dan ingin membawa seri panggung ke dalam wayang Seri Nilam Opera. Manakala dalam teks *Seri Panggung*, Munah Sani sebagai penceramah di Universiti Sains Malaysia. Modifikasi yang dapat dilihat di sini adalah Marzuki Ali telah memberikan nama tempat di Pulau Pinang secara lebih terperinci berbanding Zakaria Ariffin yang hanya meletakkan tempat di Pulau Pinang tetapi tidak secara jelas dan terperinci di mana tempat Syeikh Abdul Kadeer pergi.

Dalam konteks prinsip modifikasi ini jelaslah menunjukkan Marzuki Ali telah membuat penyesuaian dan pembaikan dalam teks baharunya *Seri Panggung*. Perubahan dan penambah baikan latar tempat ke dalam teksnya telah menunjukkan bahawa Marzuki Ali sememangnya mahukan kelainan yang terbaik dalam karyanya. Secara tidak langsung dapat menarik minat khalayak pembaca untuk melihat dan membaca sebuah karya yang berbeza dengan kelainan yang dilaksanakan.

4.2 Modifikasi Latar Masyarakat

Seterusnya, setelah dikenalpasti latar masyarakat juga telah berlaku proses modifikasi. Pengarang Marzuki Ali telah membuat sedikit perubahan dan penyesuaian latar masyarakat dalam teks *Seri Panggung*. Teks drama *Seri Panggung* dan *Pentas Opera* sememangnya membawakan tema yang sama iaitu mengisahkan tentang kehidupan anak wayang dan panggung bangsawan namun Marzuki Ali telah melaksanakan perubahan dan penyesuaian dari segi latar masyarakat di dalam teksnya. Latar masyarakat dapat diertikan sebagai gambaran kehidupan yang dipaparkan dalam sesebuah karya. Selain itu, masyarakat juga terlibat dalam menggambarkan peristiwa dan menggerakkan jalan cerita. Terdapat pelbagai latar masyarakat yang telah dimuatkan oleh Marzuki Ali di dalam teks *Seri Panggung*. Setelah diteliti dan dibaca latar masyarakat juga telah berlaku proses modifikasi. Walau bagaimanapun masih terdapat latar masyarakat yang masih dikekalkan oleh pengarang daripada teks asal *Pentas Opera*.

Latar masyarakat pertama yang dikesan dalam drama *Seri Panggung* adalah masyarakat yang berjaya dan maju hidup sebagai anak wayang bangsawan. Dalam drama ini, pengarang lebih menekankan tentang kejayaan seorang perimadona bangsawan yang mula berjinak-jinak dalam dunia bangsawan bermula umur belasan tahun sehinggalah berjaya dikenali sebagai perimadona bangsawan yang sukses dalam kriernya. Hal ini menunjukkan pengarang sememangnya telah membuat perubahan dan penyesuaian latar masyarakat dalam teks *Seri Panggung* berbanding teks sebelumnya *Pentas Opera* karya Zakaria Ariffin. Hal ini dapat dibuktikan lagi dalam petikan teks yang diambil daripada teks *Seri Panggung* dalam Jadual 2.

Berdasarkan petikan di dalam jadual 2 teks *Seri Panggung* jelas menunjukkan masyarakat yang berjaya dan maju dalam kerjayanya sebagai perimadona bangsawan. Pengarang Marzuki Ali telah memaparkan masyarakat yang tidak berputus asa dan terus ingin maju dalam kehidupan walaupun bergelar anak seni. Latar masyarakat yang dibincangkan ini telah berlaku proses modifikasi iaitu pengarang telah membuat penyesuaian dan perubahan berbanding dengan teks sebelumnya dimana Zakaria Ariffin kurang memaparkan kejayaan masyarakat dalam wayang bangsawan. Zakaria Ariffin hanya menekankan dan memaparkan masyarakat yang bertungkus lumus untuk terus menghidupkan wayang bangsawan mereka yang hampir ditutup akibat ketiadaan *Seri Panggung*. Hal ini

kerana Seri Panggung mereka telah pergi bersama Raja Abdul Muluk dan telah pun berkahwin dengannya. Peranan sebagai seri panggung adalah besar dan bertanggungjawab untuk menghidupkan sesuatu wayang bangsawan tersebut. Seri Nilam Opera merupakan nama wayang bangsawan di dalam drama *Pentas Opera*. Berdasarkan petikan di atas jelaslah menunjukkan bahawa Zakaria Ariffin telah memaparkan masyarakat yang tidak berputus asa dalam meneruskan kehidupan walaupun terdapat cabaran dan halangan. Dialog di atas telah melibatkan beberapa anak wayang yang begitu kluatir sekali dengan nasib wayang opera mereka yang semakin lama semakin tidak aktif dalam kegiatan wayang. Hal ini kerana ketiadaan seri panggung menjadi punca utama wayang mereka tidak beroperasi seperti biasa.

JADUAL 2. Latar Masyarakat yang berjaya dan maju dalam kerjaya

Pentas Opera	Seri Panggung
<p>TUMINAH: Keperitan Rubiah... kekalahan Jepun... kepulauan Tuan Syekh ke Pulau Pinang... kekacauan oleh Bintang Tiga.. semuanya membuatkan opera kita tidak dapat bermain..</p> <p>DOLAH PACAK: Janganlah engkau merintih-rintih lagi, Tuminah. Bukankah sekarang negeri sudah aman? Tidak lama lagi tentu Tuan Syekh akan pulang dan pasti kita akan dapat bermain semula.</p> <p>TUMINAH: Tetapi Rubiah tidak juga pulang-pulang. Siapa yang akan menjadi seri panggung menggantikan tempatnya?</p> <p>OSMAN BOMBAY: Kamu saja! Dan aku menjadi orang mudanya! (Segera menutup mulut sambil menjeling kea rah Nasruddin Syah. Nasruddin soalah-olah tidak mendengar perbualan mereka)</p> <p>DOLAH PACAK: Hah, kalau Tuminah yang menjadi seri panggungnya, usahkan tentera British, tentera Ghurka pun tidak akan datang menonton opera ini!</p> <p>(Pentas Opera: 34-35)</p>	<p>WAK YEM: Panggung wayang bangsawan menjadi medan tempat Munah Sani tumbuh menjadi manusia yang sangat-sangat mengagumkan. Mana tidaknya, dia bukan saja berwajah cantik malah mampu memikat sesiapa sahaja jejak yang memandangnya. Raut wajahnya hasil daripada kacukan Amerika dan Jawa antara barat dan timur menjadikan dia orang yang suka belajar memajukan diri dan suka pula bertanya apa saja yang tidak diketahuinya.</p> <p>...</p> <p>Dia mula menjadi rebutan dan mendapat tawaran yang lumayan daripada kumpulan wayang bangsawan lainnya. Dia berhijrah dari satu kumpulan bangsawan lain dari Dean Opera, dia menjadi anak wayang kepada British Malaya Opera. Kemudian bertukar lagi mnenyertai kumpulan Wayang Zainol dan berpindah lagi ikut Kumpulan Royal Opera, kemudia menyertai Kumpulan Ribut Orient, Kumpulan Kiah Opera dan Kumpulan Kiah Opera dan Kumpulan Grand Jublee Opera.</p> <p>(Saya dari Tanjung Penaga: 52-53)</p>

Jelaslah, bahawa Marzuki Ali telah melakukan proses modifikasi dari segi latar masyarakat di dalam teks *Seri Panggung* di mana beliau telah memaparkan masyarakat yang begitu berjaya dan disegani manakala Zakaria Ariffin membawakan latar masyarakat yang berbeza. Hal ini telah menunjukkan Marzuki Ali sememangnya menginginkan kelainan di dalam teksnya dengan menekankan kejayaan seorang perimadona bangsawan berbanding dengan drama *Pentas Opera* yang tidak menekankan kejayaan anak wayang malah melihat kepada konflik yang dihadapi oleh anak wayang tersebut. Jelaslah, menunjukkan modifikasi latar masyarakat dengan menyesuaikan jalan cerita dan tema yang dibawa oleh pengarang. Secara tidak langsung memperlihatkan sebuah teks drama yang membawa gambaran masyarakat yang berlainan dengan teks sebelumnya.

Latar masyarakat seterusnya yang dapat dikesan telah berlaku proses modifikasi adalah masyarakat yang tidak terpedaya dengan tipu helah manusia. Tipu helah itu dibuat dengan mengaburi manusia lain demi kepentingan diri oleh wang ringgit, pangkat, kekayaan

dan sebagainya. Marzuki Ali telah memodifikasikan masyarakat yang sebegini di dalam teksnya bagi tujuan penambahbaikan dan perubahan di dalam teksnya. Hal ini kerana berbanding teks *Pentas Opera* Zakaria Ariffin telah memaparkan masyarakat yang mudah terpedaya dengan tipu helah orang atasan demi kepentingan diri mereka sendiri. Oleh hal demikian, perbincangan ini menganalisis latar masyarakat yang membawa gambaran kehidupan masyarakat sedemikian. Dengan itu, contoh petikan teks Seri Panggung dapat dilihat dalam jadual 3 di bawah:

JADUAL 3. Latar Masyarakat yang tidak terpedaya dengan tipu helah manusia

Pentas Opera	Seri Panggung
<p>NASRUDDIN SYAH: Bertuah engkau Rubiah... mendapat undangan daripada seorang keturunan raja!</p> <p>RUBU SOEPARNO: Patutkah aku pergi, Nasruddin?</p> <p>NASRUDDIN SYAH: Kenapa engkau bertanya kepada aku? Engkau sudah menerima rantai emas pemberiannya.... engkau sudah mengucup tangannya.. engkau sudah mengganggu tanda setuju.. apa lagi, silakanlah pergi!</p> <p>RUBY SOEPARNO: (Terkejut dengan jawapan Nasruddin Syah) Nasruddin! Aku berbuat demikian semata-mata kerana menghormati dia, seorang keturunan raja. Lagi pula, pak cikmu sendiri, Tuan Syekh ada bersama menyaksikannya. Salahkah aku berbuat begitu?</p> <p>NASRUDDIN SYAH: Ohh.. engkau tidak bersalah apa-apa, Rubiah! Akulah yang bersalah! Akulah yang selalu berbuat salah!</p> <p style="text-align: right;">(Pentas Opera: 13-14)</p>	<p>JENERAL MIGAMI: Apa, mahu pulang? Seri panggung jangan tinggal watasi. Mengapa ini tempat tidak cukup baik? Watasi kira kamu boleh sini tidur.</p> <p>MUNAH SANI: Tidak boleh master. Nanti <i>Ziancé</i> cari saya. Marah sama saya. Ini tidak boleh orang islam buat, berdosa master. Biarkan saya pulang master!</p> <p>JENERAL MIGAMI: O, tiada siapa-siapa boleh haling Watasi punya hati mahu. Seri Panggung sudah tawan Watasi punya hati di sini. Sekarang Watasi mau seri panggung duduk dan ikut Watasi punya suka.</p> <p>(Secepat kilat MUNAH SANI mencapai <i>revolver</i> di atas meja dan menuding ke arah JENERAL MIGAMI. Dia kaget dan cuba bertenang sambil membujuk MUNAH SANI.)</p> <p>JENERAL MIGAMI: <i>Be careful</i> itu punya revolver, dalam ada peluru, bahaya itu seri panggung! Kasi balik sama Watasi!</p> <p>MUNAH SANI: Tidak! Saya akan tembak master kalau master tidak hantar saya balik rumah. Saya tembak! Cepat bukakan pintu!</p> <p>(<i>tegas</i>).</p> <p>JENERAL MIGAMI: Baik, baik, seri panggung! Kamu banyak pandai! Watasi percaya sama kamu. Apa mahu pulang rumah?</p> <p style="text-align: right;">(Saya dari Tanjung Penaga: 72)</p>

Berdasarkan jadual 3 jelaslah menggambarkan masyarakat yang tidak mudah terpedaya dengan tipu helah manusia lain. Memperlihatkan kebijaksanaan Munah Sani menangani situasi getir di mana dia hampir diperkosa oleh pegawai Jepun tersebut. Namun, dia pantas bertindak dengan mengambil *revolver* untuk mempertahankan dirinya daripada terus diperkosa. Gambaran atau latar masyarakat yang dipaparkan oleh Marzuki Ali jelaslah telah dipengaruhi oleh prinsip intertekstualiti yang paling jelas sekali iaitu modifikasi.

Modifikasi di dalam latar masyarakat ini memperlihatkan Marzuki Ali telah membuat perubahan dengan latar masyarakat teks sebelum ini iaitu *Pentas Opera* karya Zakaria Ariffin. Di dalam teks tersebut sedikit berbeza di mana pengarang memaparkan masyarakat yang begitu mudah terpedaya dengan ajakan atau tipu helah manusia yang berharta mahupun berpangkat tinggi demi kepentingan mereka sendiri. Gambaran ini dapat dilihat dalam petikan jadual teks *Pentas Opera* berikut.

Berdasarkan jadual berikut jelaslah menggambarkan masyarakat yang mudah terpedaya dengan pangkat dan kuasa yang dimiliki seseorang manusia. Petikan di atas memperlihatkan Rubiah berperanan sebagai seri panggung telah menyebabkan ramai yang meminatinya dari segi bakat dan juga rupa yang dimilikinya. Oleh hal demikian, seseorang yang berketurunan raja telah mengundang Rubiah untuk bertandang ke istananya. Sebelum berbuat demikian, beliau yang dikenali Raja Abdul Muluk sudah terlebih dahulu memberikan rantai emas kepada Rubiah sebagai ganjaran sekiranya Rubiah menerima undangannya.

Berdasarkan situasi tersebut dapat dilihat bahawa Raja Abdul Muluk sangat bijak memperdaya Rubiah supaya menerima pelawaannya. Rubiah yang begitu mudah terpedaya dengan harta dan pangkat lalu dia pun menerima pemberian tersebut tanpa berfikir panjang dan mahu tidak mahu dia harus pergi ke istana tersebut. Hal ini telah menunjukkan masyarakat yang begitu senang termakan dengan pujukan dan rayuan dengan menggunakan harta benda. Dengan ini, jelaslah menunjukkan Marzuki Ali telah melakukan proses modifikasi melalui latar masyarakat yang dibawa oleh Zakaria Ariffin.

Proses modifikasi tersebut dapat dilihat apabila Marzuki Ali membuat perubahan dengan memperlihatkan masyarakat yang lebih baik dari segi pemikirannya. Hal ini dapat dilihat dalam watak Munah Sani yang berani mempertahankan dirinya daripada terus diperkosa oleh pegawai Jepun yang begitu bernafsu dengan dirinya. Dia langsung tidak termakan dengan pujuk rayu Jenaral Migami tersebut malah membuat tindakan pantas melindungi dirinya. Hal ini berbeza dengan masyarakat yang tidak berfikir panjang yang dipaparkan oleh Zakaria Ariffin dalam *Pentas Opera*. Hal ini dapat dilihat di dalam watak Rubiah yang menerima rantai emas daripada Raja Abdul Muluk tanpa berfikir panjang bahawa rantai emas tersebut dijadikan alasan supaya Rubiah

4.3 Modifikasi Mesej

Di samping itu, setelah diteliti dan dikenalpasti mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam teks *Seri Panggung* juga telah berlaku proses modifikasi. Mesej-mesej yang terkandung di dalam teks beliau banyak memperlihatkan kepada berlakunya proses modifikasi. Mesej ialah pengajaran atau moral cerita yang merangkumi keseluruhan cerita tersebut kesan daripada pembacaan karya sastera atau kesan daripada menikmati serta menghayati karya sastera. Mesej atau pandangan penulis yang ingin disampaikan bergantung pada isi cerita atau karya tersebut. Selain itu, mesej dalam karya menggambarkan maksud dalaman yang menyentuh nilai-nilai murni dalam masyarakat. Mesej yang disampaikan juga dapat menggambarkan sama ada mesej yang baik atau mesej yang tidak baik kepada masyarakat. Kedua-dua mesej ini harus diambil sebagai iktibar dan pengajaran oleh khayalak pembaca.

Mesej pertama yang dianalisis berlakunya proses modifikasi adalah tidak memandang rendah tentang kejayaan seorang perimadona bangsawan atau orang yang dilahirkan mempunyai bakat sebagai anak wayang. Di dalam teks *Seri Panggung* ini Marzuki Ali banyak memperlihatkan kepada kejayaan Munah Sani sejak belasan tahun sehinggalah dia berjaya membuka wayang opera sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa menjadi anak wayang tidaklah seperti yang disangka kebanyakan orang bahawa tiada masa hadapan dan sebagainya. Tambahan lagi, melihat anak-anak wayang sebagai orang yang hina dan rendah sekali martabatnya. Dalam hal ini, Marzuki Ali tidak langsung menyentuh atau memperkatakan soal itu. Sebaliknya, beliau banyak menyentuh tentang kejayaan Munah Sani sebagai anak wayang sehinggalah berjaya menjadi penceramah. Mesej ini telah berlaku proses modifikasi kerana di dalam teks asal *Pentas Opera* terdapat masyarakat yang memandang rendah terhadap anak-anak wayang. Dengan itu, contoh kedua-dua dapat dilihat dalam petikan dalam jadual 4 di bawah:

JADUAL 4. Modifikasi Mesej

Pentas Opera	Seri Panggung
<p>GHAFFUR AFRIT: Itu aku sudah tahu, Dolah. Tetapi apa yang aku musykilkan ialah nasib kita semua, sebagai anak wayang.</p> <p>OSMAN BOMBAY: (Selamba) Nasib anak wayang apa lagi... kalau tidak bermain wayang sampai mati!</p> <p>DOLAH PACAK: Ya, kadang-kadang betul juga kata engkau itu, Osman. Sudah berbelas tahun kita menjadi anak wayang. Kerja kita setiap hari hanyalah bermain bangsawan. Aku tidak fikir aku boleh membuat kerja lain, selain daripada bermain wayang bangsawan.</p> <p>TUMINAH: Ssekali... tergerak juga di hati aku untuk pulang saja ke kampung halaman. Tetapi, apabila memikirkan bahawa anak-anak wayang, terutama orang perempuan seperti aku ini dipandang rendah oleh masyarakat kampung, hasrat itu kubatalkan sahaja.</p> <p>OSMAN BOMBAY: Itu engkau, Tuminah. Si Dolah Pacak ini pul, jikalau kembali ke kampung, apa yang dapat dilakukannya? Mahu bercucuk tanam? Ah, barangkaali memegang cangkul pun sudah tidak pandai, oleh kerana sudah terlalu lama menjadi Pak Pacak, yang hanya memegang tombak di istana raja.</p> <p style="text-align: right;">(Zakaria Ariffin : 33-34)</p>	<p>MUNAH SANI: Biarlah hidup mati Mak bersama bangsawan! (<i>Hadirin bertepuk tangan.</i>) Mak masih mahu melihat bangsawan ini dapat dipulihkan kembali dan bagi mengisi masa Mak, maka Mak dipanggil mengajar tarian Melayu di DTC dan di MTC di Pulau Pinang. Mak juga ikut bertanding dalam pertandingan Bintang Radio di Pulau Pinang dan berjaya pula menjadi Naib Johan Dondang Sayang, kawasan Pulau Pinang. Mak tubuhkan kumpulan bangsawan dengan nama PERMAKADI singkatan nama Perhubungan Masyarakat Kawasan D. Kemudian dengan Kumpulan Bangsawan Seri Timur, Mak membuat persembahan di banyak tempat termasuklah di Istana Sultan Perak di Kuala Kangsar. Mak rasa tenang sekarang. Pihak universiti ini juga sedang mengadakan usaha besar untuk pemuliharaan bangsawan.</p> <p style="text-align: right;">(Marzuki Ali : 79)</p>

Berdasarkan jadual 4 jelaslah menunjukkan kejayaan Munah Sani sebagai perimadona bangsawan sehingga berjaya membuka dan menubuhkan kumpulan bangsawan sendiri. Hal ini telah menunjukkan pencapaian terbesar Munah Sani sepanjang kehidupannya bergelar seri panggung dan anak wayang. Munah Sani sentiasa menunjukkan pencapaian yang terbaik di dalam hidupnya. Perbincangan ini ingin memperkatakan bahawa Marzuki Ali sememangnya ingin menyampaikan mesej bahawa menjadi anak wayang juga mempunyai masa hadapan yang cerah dan terbuka luas untuk lebih berjaya. Mesej yang disampaikan ini telah berlaku proses modifikasi dan perubahan kerana teks asal *Pentas Opera* memperlihatkan kepada mesej yang sebaliknya apabila masyarakat telah memandang rendah terhadap anak wayang tersebut. Zakaria Ariffin kurang menyampaikan mesej dengan mengangkat anak wayang sebagai orang yang dihargai oleh masyarakat.

Selain itu, berdasarkan jadual di atas bagi teks *Pentas Opera* jelaslah menunjukkan bahawa masih terdapat masyarakat kampung yang memandang rendah kepada anak-anak wayang terutamanya anak wayang tersebut adalah seorang perempuan. Mungkin bagi masyarakat kampung bahawa wanita yang bermain di atas panggung sambil menjerit-jerit melontarkan dialog dan gerak laku yang berlebihan tambahan lagi dipertontonkan kepada khalayak ramai sememangnya adalah perkara yang tidak elok dan tidak sedap mata memandang. Bagi mereka perempuan sedemikian kurang mempunyai harga diri berbanding wanita yang menjaga batas pergaulan dan adab pertuturan. Hal ini mungkin mesej yang ingin disampaikan oleh Zakaria Ariffin di dalam *Pentas Opera*. Oleh hal demikian telah berlaku

proses modifikasi apabila Marzuki Ali menyampaikan mesej yang sebaliknya. Iaitu mesej mengenai masyarakat yang tidak memandang rendah terhadap anak wayang.

4.4 Modifikasi Watak dan Perwatakan

Watak dan perwatakan juga dinalisis sebagai prinsip modifikasi. Terdapat beberapa watak yang telah berlaku proses modifikasi dari segi penyesuaian dan perubahan watak dalam teks *Seri Panggung*. Watak ialah pelaku atau tokoh dalam sesuatu karya yang menggerakkan cerita dengan cara berinteraksi sesama watak dan alam. Perwatakan pula ialah pelukisan tentang watak dari aspek luaran dan dalaman. Pelukisan watak itu boleh dilakukan secara langsung atau secara tidak langsung oleh pengarang melalui aksi, tutur kata, atau watak-watak berkenaan. Dalam sesuatu cerita lazimnya terdapat istilah yang berkaitan dengan aspek watak, iaitu watak utama, watak sampingan, watak bundar, watak pipih, watak dinamik, watak statik, protagonis dan antagonis. Sifat perwatakan digambarkan melalui tindak-tanduknya, cara berfikir, cara bercakap, rupa paras, fizikalnya, kepercayaannya dan ideologi, serta gambaran perasaan seseorang atau watak itu. Secara umumnya, terdapat dua jenis watak dalam drama *Seri Panggung* iaitu watak utama dan watak sampingan. Watak utama diwakili oleh Munah Sani atau Mak Sani manakala watak sampingan adalah Wak Yem, Jeneral Migami dan Rashid Buang.

JADUAL 5. Modifikasi Watak dan Perwatakan

Pentas Opera	Seri Panggung
<p>NASRUDDIN SYAH: Bertuah engkau Rubiah... mendapat undangan daripada seorang keturunan raja!</p> <p>RUBU SOEPARNO: Patutkah aku pergi, Nasruddin?</p> <p>NASRUDDIN SYAH: Kenapa engkau bertanya kepada aku? Engkau sudah menerima rantai emas pemberiannya.... engkau sudah mengucup tangannya.. engkau sudah mengganggu tanda setuju.. apa lagi, silakanlah pergi!</p> <p>RUBY SOEPARNO: (Terkejut dengan jawapan Nasruddin Syah) Nasruddin! Aku berbuat demikian semata-mata kerana menghormati dia, seorang keturunan raja. Lagi pula, pak cikmu sendiri, Tuan Syekh ada bersama menyaksikannya. Salahkah aku berbuat begitu?</p> <p>NASRUDDIN SYAH: Ohh.. engkau tidak bersalah apa-apa, Rubiah! Akulah yang bersalah! Akulah yang selalu berbuat salah!</p> <p>(Zakaria Ariffin: 13-14)</p>	<p>WAK YEM: Panggung wayang bangsawan menjadi medan tempat Munah Sani tumbuh menjadi manusia yang sangat-sangat mengagumkan. Mana tidaknya, dia bukan saja berwajah cantik malah mampu memikat sesiapa sahaja jejak yang memandangnya. Raut wajahnya hasil daripada kacukan Amerika dan Jawa antara barat dan timur menjadikan dia orang yang suka belajar memajukan diri dan suka pula bertanya apa saja yang tidak diketahuinya. Di panggung wayang bangsawanlah tempat sekolah pada waktu siang dan malamnya tempat dia beraksi sebagai seri panggung</p> <p>(Marzuki Ali : 52)</p>

Hal ini dapat dilihat dalam teks *Seri Panggung*, penyesuaian yang dibuat oleh Marzuki Ali yang sangat ketara di dalam teksnya adalah di dalam watak utama iaitu seri panggung, Munah Sani. Kemunculan Munah Sani sebagai watak utama di dalam drama *Seri Panggung*

sememangnya telah berlaku proses modifikasi di mana wataknya sangat berbeza dengan watak utama di dalam *Pentas Opera* iaitu Rubiah. Penyesuaian watak ini dilakukan adalah sejajar dengan cerita yang ingin disampaikan oleh Marzuki Ali di dalam teksnya. Walau bagaimanapun, masih terdapat tipa induk dan hipogramnya di dalam watak Munah Sani itu sendiri. Namun, secara dasarnya perwatakan Munah Sani dan Rubiah agak berbeza. Perbezaan ini boleh dilihat dalam petikan teks dalam Jadual 5.

Berdasarkan jadual 5 bagi teks *Seri Panggung* jelaslah menunjukkan bahawa perwatakan Munah Sani yang begitu menarik ramai minat jejaka-jejaka di luar sana oleh kerana rupa paras yang dimilikinya. Selain itu, dia juga seorang yang sangat berdaya saing dan gemar memajukan diri sendiri sehingga berjaya. Dalam konteks ini, Marzuki Ali telah memperlihatkan watak yang berbeza dengan watak Rubiah di dalam diri Munah Sani. Hal ini kerana Marzuki Ali sememangnya menginginkan kelainan yang bersesuaian dengan cerita yang disampaikannya dalam *Seri Panggung*. Oleh itu, telah berlaku proses modifikasi di dalam watak Munah Sani

Berdasarkan jadual berikut bagi teks *Pentas Opera* pula jelaslah menunjukkan perwatakan Rubiah yang sangat berbeza dengan Munah Sani yang lebih memikirkan kepada kemajuan diri berbanding Rubiah yang menginginkan jalan singkat untuk mendapat kesenangan. Hal ini kerana, petikan tersebut menunjukkan Rubiah seorang yang sangat mudah menerima pemberian daripada orang lain. Walaupun orang tersebut baru dikenalnya. Sikap Rubiah ini jelas menunjukkan bahawa dia seorang yang tidak berfikir panjang bahawa tindakannya tersebut akan memakan diri. Hal ini jelaslah telah berlaku proses modifikasi dalam watak dan perwatakan utama iaitu Munah Sani Sebagai rumusan kepada bab ini dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa proses modifikasi yang telah dianalisis dari segi latar tempat, latar masyarakat, mesej yang ingin disampaikan dan watak dan perwatakan. Prinsip modifikasi berlaku kerana pengarang telah timbul keinginan untuk menempatkan sebuah teks yang lebih sesuai ke dalam teks mereka berbanding teks sebelumnya. Walau bagaimanapun, pengarang masih mengekalkan dan membawa tema yang sama di dalam teksnya.

5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai rumusan kepada kertas kerja ini dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa proses modifikasi yang telah dianalisis dari segi latar tempat, latar masyarakat, mesej yang ingin disampaikan dan watak dan perwatakan. Prinsip modifikasi berlaku kerana pengarang telah timbul keinginan untuk menempatkan sebuah teks yang lebih sesuai ke dalam teks mereka berbanding teks sebelumnya. Walau bagaimanapun, pengarang masih mengekalkan dan membawa tema yang sama di dalam teksnya.

Rujukan

- Abdul Rahman Napiah. (1994). *Tuah-Jebat Dalam Drama Melayu Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (1991). *Tuah Jebat – Dalam Drama Melayu Satu Kajian Intertekstualiti*: Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakhtin, M. M. (1994). *The Dialogic Imagination: Four Essays*. Di edit oleh Michael
- Kassim Ahmad (peny). (1992). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di Akar Sendiri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mana Sikana. (1998). *Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Marzuki Ali. (2015). *Saya dari Tajung Penaga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasan dan Pustaka.